



## **KENYATAAN MEDIA CO-OPBANK PERTAMA 27 FEBRUARI 2024**

### **CBP CATAT UNTUNG RM120 JUTA, RM500 JUTA SAHAM BARU**

1. Co-opbank Pertama (CBP) terus mempamerkan prestasi kewangan cemerlang dengan mencatatkan keuntungan sebanyak RM120.43 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 disember 2023.
2. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM17 juta atau 16.43% berbanding RM103.43 juta pada tahun 2022 dan yang tertinggi dalam sejarah CBP.
3. Dalam masa yang sama, dana pemegang syer CBP juga meningkat sebanyak RM500 juta pada tahun 2023 dimana ianya membantu pertumbuhan aset yang memberangsangkan iaitu sebanyak RM10.8 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.
4. “Pembukaan semula syer yang dibuka semula kepada orang ramai bermula 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023 telah menerima sambutan hangat daripada orang ramai dan ini menunjukkan keyakinan orang ramai terhadap CBP.
5. “CBP akan turut memperkenalkan beberapa produk baharu seperti Akaun SalamBiz kepada industri kecil dan sederhana serta syarikat-syarikat korporat pada suku pertama 2024 dan beberapa produk lain seperti sewa beli dan beberapa produk lain kepada orang ramai,” kata Khairil Anuar Mohammad Anuar, Ketua Pegawai Eksekutif CBP menerusi satu kenyataan.
6. Khairil Anuar turut berkata, Antara produk yang telah diperkenalkan CBP COSTART untuk membantu koperasi-koperasi kredit selari dengan Dasar Transformasi Koperasi Malaysia (TRANSKOM).
7. Tambahnya lagi, CBP juga mencatatkan Pembiayaan Tidak Berbayar (PTB) yang terendah iaitu sebanyak 1.5% bagi tahun kewangan 2023.
8. Khairil Anuar turut berkata, pengenalan perbankan digital yang akan diperkenalkan pada akhir suku pertama 2024 akan dapat mengukuhkan lagi jenama CBP kepada orang ramai.
9. Tambahnya lagi, selain daripada produk pembiayaan dan perkhidmatan yang ditawarkan, CBP akan mengukuhkan lagi pertumbuhan kewangannya sebanyak 20% menerusi terbitan sukuk pada suku keempat 2024.

**-TERIMA KASIH-**

### **Mengenai Co-opbank Pertama**

Co-opbank Pertama (CBP) telah ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Bank Negara Malaysia sebagai sebuah co-opbank. CBP terus berkembang sejak tahun ditubuhkan dengan kini mempunyai sebanyak 33 buah cawangan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk perbankan patuh Syariah termasuk perkhidmatan Ar-Rahnu. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cbp.com.my](http://www.cbp.com.my).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

**Jabatan Komunikasi Korporat, Co-opbank Pertama**

[ukk@cbp.com.my](mailto:ukk@cbp.com.my)

**KHAIRIL ANUAR MOHAMMAD ANUAR, KETUGA PEGAWAI EKSEKUTIF CO-OPBANK PERTAMA (CBP)**

